# TERJEMAHAN MATAN ISAGHUJI

SEBUAH TEKS ASAS DALAM LOGIK KLASIK




ASIRUDDIN AL-ABHARI

PENTERJEMAH

NASEER SOBREE




BAYTUL HIKMA

# TERJEMAHAN MATAN
# ISAGHUJI

SEBUAH TEKS ASAS DALAM LOGIK KLASIK

# TERJEMAHAN MATAN
# ISAGHUJI

SEBUAH TEKS ASAS DALAM LOGIK KLASIK




ASIRUDDIN AL-ABHARI

PENTERJEMAH

Naseer Sobree



BAYTUL HIKMA



Diterbitkan Oleh :
BAYTUL HIKMA (PG0355779-V)
Pulau Pinang, Malaysia.
*baytulhikma.blogspot.com*
*baytulhikma2014@gmail.com*
*facebook.com/BaytulHikma2014*
*6013 218 1421*

*Buku ini merupakan terjemahan kepada Matan Īsāghūjī yang ditulis dalam Bahasa Arab oleh Athīr al-Dīn al-Abhariyy.*

TERJEMAHAN MATAN ISAGHUJI :
Sebuah Teks Asas Dalam Logik Klasik



CETAKAN PERTAMA, 2015

# KANDUNGAN

# TRANSLITERASI

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| *’* | : | ء | *ḍ* | : | ض |
| *ā* | : | ا | *ṭ* | : | ط |
| *b* | : | ب | *ẓ* | : | ظ |
| *t* | : | ت | *‘* | : | ع |
| *th* | : | ث | *gh* | : | غ |
| *j* | : | ج | *f* | : | ف |
| *ḥ* | : | ح | *q* | : | ق |
| *kh* | : | خ | *k* | : | ك |
| *d* | : | د | *l* | : | ل |
| *dh* | : | ذ | *m* | : | م |
| *r* | : | ر | *n* | : | ن |
| *z* | : | ز | *h* | : | هـ/ة |
| *s* | : | س | *w, ū* | : | و |
| *sh* | : | ش | *y, ī* | : | ي |
| *ṣ* | : | ص | | | |

# BISMILLAH

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء

والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين يا مُنطق الناطقين

أنطقنا نطقا فصيحا وعلمنا منطق العوالم كلها

واجعلنا من الناطقين بالحق والخير

يا من أنطق كل شيء

يا رب العالمين

Buku ini dimulakan dengan *Bismillah,* dan disudahi dengan *Alhamdulillah,* inshaAllah. Setelah puji dan puja buat Pencipta Semesta, dipanjat pula selawat dan salam buat Rahmat Semesta.

## AL–ABHARIYY

Inilah terjemahan bagi sebuah teks Bahasa Arab yang berjudul *Īsāghūjī.* Teks ini telah ditulis oleh *Athīr al-Dīn al-Mufaḍḍal ibn ʻUmar al-Abhariyy al-Samarqandiyy,* adakalanya disebut sebagai *al-Abahriyy*, bukan *al-Abhariyy.* Beliau meninggalkan dunia ini pada tahun 663H bersamaan 1265M.

*Al-Abhariyy* merupakan seorang yang sangat mahir dalam bidang falsafah, logik, matematik dan astronomi. Antara kitabnya yang mashhur selain *Īsāghūjī* ialah kitab *Hidāyat al-Ḥikmah,* yang menyatakan secara ringkas mengenai tiga jenis ilmu iaitu logik *(manṭiq),* sains *(ṭabīʻiyyāt)* dan metafizik *(ilāhiyyāt).*

## ISAGHUJI

Lafaz *Īsāghūjī* berasal daripada Bahasa Greek iaitu *Isagoge* yang bermaksud *pengenalan.* Lafaz ini pada mulanya digunakan oleh Porphyry, di mana beliau menamakan karyanya sebagai *Isagoge,* iaitu pengenalan kepada Kategori Aristotle *(Maqūlāt Arisṭū). Isagoge* karangan Porphyry secara

khusus membincangkan lima jenis lafaz kulli *(al-kulliyyāt al-khams).*

Lafaz *Isagoge* diper'arabkan menjadi *Īsāghūjī* dan digunakan oleh beberapa ilmuwan Islam sebagai nama karya mereka, termasuklah karya *al-Abhariyy* ini, yang merupakan ringkasan Logik Klasik *(al-Manṭiq al-Qadīm).*

Terdapat banyak versi teks *Īsāghūjī,* hampir kesemuanya itu ada perbezaannya, sama ada banyak atau sedikit, seperti penambahan dan pengurangan lafaz, juga pertukaran lafaz. Satu versi telah dipilih sebagai rujukan utama iaitu teks *Īsāghūjī* yang berada dalam kitab sharahnya yang berjudul *Mughnī al-Ṭullāb* karangan *Maḥmūd Ḥasan al-Maghnīsiyy,* dicetak di Beirut pada tahun 1877M oleh *al-Maṭba'ah al-Adabiyyah.*

## MANTIQ QADIM

Memandangkan teks ini membicarakan Mantiq Qadim, eloklah dinyatakan serba ringkas mengenainya, agar terang nyata rupa asas ilmu ini. Mantiq Qadim terdiri daripada dua tajuk besar iaitu *tasawwur* dan *tasdiq.*

Tasawwur berkait dengan *makna sesuatu perkara,* tanpa dikaitkan makna tersebut dengan makna-makna lain. Jadi, tujuan tasawwur adalah untuk mengenal sesuatu perkara dengan menggunakan lafaz-lafaz tertentu. Lafaz-lafaz inilah yang akan disusun untuk menghuraikan haqiqat sesuatu, ia dinamakan *takrif* atau *definisi.*

Tasawwur terdiri daripada dua bahagian iaitu *mabadik* dan *maqasid.* Mabadik tasawwur ialah *dasar* tasawwur, sesuatu yang perlu diketahui dan difahami sebelum mencapai *tujuan* tasawwur iaitulah maqasid tasawwur.

Tajuk-tajuk asasi bagi mabadik tasawwur ialah *dilalah, lafaz, nisbah alfaz* dan *kulliat khamas.* Manakala tajuk-tajuk asasi bagi maqasid tasawwur ialah *had tam, had naqis, rasam tam* dan *rasam naqis;* keempat-empat ini ialah jenis-jenis takrif yang asas.

Jika tasawwur berkait dengan satu makna, tasdiq pula berkait dengan *hubungan sesama makna,* iaitu setelah jelas makna-makna tersebut melalui takrif. Untuk mendapat kepastian sama ada sesuatu makna itu mempunyai kaitan dengan makna lain atau tidak, proses pendalilan atau penghujahan perlulah dilakukan.

Tasdiq juga mempunyai *dasar* dan *tujuannya* iaitu *mabadik* dan *maqasid* bagi tasdiq. Antara tajuk-tajuk asasi bagi mabadik tasdiq ialah *qadiah* dan *nisbah qadaya.* Tajuk asasi bagi maqasid tasdiq pula ialah *istidlal (qias, istiqrak, tamsil)* dan *sina'at khamas.*

## BENTUK PENULISAN

Secara umum, bentuk penulisan yang digunakan dalam terjemahan ini adalah bebas, dengan makna ia tidak terikat dengan mana-mana kaedah secara khusus sepertimana yang digariskan oleh sesetengah pihak.

Begitulah juga dengan gaya bahasa yang digunakan, ia tidak terlalu terikat dengan kaedah morfologi dan sintaksis sedia ada, terutamanya kaedah Bahasa Melayu Moden, yang mana sebahagianya itu dirasakan menghilangkan ciri-ciri asli Bahasa Melayu.

*Pemelayuan* dan *perumian* istilah-istilah arab juga dilakukan untuk merancakkan pembangunan ilmu mantiq dalam kalangan masharakat Melayu, di samping memperkayakan perbendaharaan kata dalam Bahasa Melayu.


Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya terjemahan ini bersifat agak literal, demi memelihara keaslian kata dan makna. Lagipun teks ini merupakan matan atau ringkasan, jadi setiap patah kata itu sarat dengan makna yang dikandungnya. Moga ia mampu dihadam dan difaham, inshaAllah.

# MATAN ISAGHUJI

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

نَحْمَدُ اللّٰهَ عَلَى تَوْفِيقِهِ وَنَسْأَلُهُ هِدَايَةَ طَرِيقِهِ وَنُصَلِّي عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى عِتْرَتِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَهَذِهِ رِسَالَةٌ فِي الْمَنْطِقِ أَوْرَدْنَا فِيهَا مَا يَجِبُ اسْتِحْضَارُهُ لِمَنْ يَبْتَدِئُ فِي شَيْءٍ مِنَ الْعُلُومِ مُسْتَعِينًا بِاللّٰهِ إِنَّهُ مُفِيضُ الْخَيْرِ وَالْجُودِ.




اللَّفْظُ الدَّالُ بِالْوَضْعِ يَدُلُّ:

1. عَلَى تَمَامِ مَا وُضِعَ لَهُ بِالْمُطَابَقَةِ

2. وَعَلَى جُزْئِهِ بِالتَّضَمُّنِ إِنْ كَانَ لَهُ جُزْءٌ

3. وَعَلَى مَا يُلَازِمُهُ فِي الذِّهْنِ بِالِالْتِزَامِ.

كَالْإِنْسَانِ فَإِنَّهُ يَدُلُّ عَلَى الْحَيَوَانِ النَّاطِقِ بِالْمُطَابَقَةِ وَعَلَى

أَحَدِهِمَا بِالتَّضَمُّنِ وَعَلَى قَابِلِ الْعِلْمِ وَصُنْعَةِ الْكِتَابَةِ بِالِالْتِزَامِ.

ثُمَّ اللَّفْظُ:

1. إِمَّا مُفْرَدٌ وَهُوَ الَّذِي لَا يُرَادُ بِالْجُزْءِ مِنْهُ دِلَالَةٌ عَلَى جُزْءِ مَعْنَاهُ كَالْإِنْسَانِ
2. وَإِمَّا مُؤَلَّفٌ وَهُوَ الَّذِي لَا يَكُونُ كَذَلِكَ كَرَامِي الْحِجَارَةِ.

وَالْمُفْرَدُ:

1. إِمَّا كُلِّيٌّ وَهُوَ الَّذِي لَا يَمْنَعُ نَفْسُ تَصَوُّرِ مَفْهُومِهِ مِنْ وُقُوعِ الشَّرِكَةِ فِيهِ كَالْإِنْسَانِ
2. وَإِمَّا جُزْئِيٌّ وَهُوَ الَّذِي يَمْنَعُ نَفْسُ تَصَوُّرِ مَفْهُومِهِ مِنْ ذَلِكَ كَزَيْدٍ.

وَالْكُلِّيُّ:

1. إِمَّا ذَاتِيٌّ وَهُوَ الَّذِي يَدْخُلُ فِي حَقِيقَةِ جُزْئِيَّاتِهِ كَالْحَيَوَانِ بِالنِّسْبَةِ إِلَى الْإِنْسَانِ وَالْفَرَسِ
2. وَإِمَّا عَرَضِيٌّ وَهُوَ الَّذِي يُخَالِفُهُ كَالضَّاحِكِ بِالنِّسْبَةِ إِلَى الْإِنْسَانِ.

وَالذَّاتِيُّ:

1. إِمَّا مَقُولٌ فِي جَوَابِ مَا هُوَ بِحَسَبِ الشَّرِكَةِ الْمَحْضَةِ كَالْحَيَوَانِ بِالنِّسْبَةِ إِلَى الْإِنْسَانِ وَالْفَرَسِ وَهُوَ الْجِنْسُ وَيُرْسَمُ بِأَنَّهُ كُلِّيٌّ مَقُولٌ عَلَى كَثِيرِينَ مُخْتَلِفِينَ بِالْحَقَائِقِ فِي جَوَابِ مَا هُوَ
2. وَإِمَّا مَقُولٌ فِي جَوَابِ مَا هُوَ بِحَسَبِ الشَّرِكَةِ وَالْخُصُوصِيَّةِ مَعًا كَالْإِنْسَانِ بِالنِّسْبَةِ إِلَى زَيْدٍ وَعَمْرٍو

وَهُوَ النَّوْعُ وَيُرْسَمُ بِأَنَّهُ كُلِّيٌّ مَقُولٌ عَلَى كَثِيرِينَ مُخْتَلِفِينَ بِالعَدَدِ دُونَ الْحَقِيقَةِ فِي جَوَابِ مَا هُوَ

3. وَإِمَّا غَيْرُ مَقُولٍ فِي جَوَابِ مَا هُوَ بَلْ مَقُولٌ فِي جَوَابِ أَيُّ شَيْءٍ هُوَ فِي ذَاتِهِ وَهُوَ الَّذِي يُمَيِّزُ الشَّيْءَ عَمَّا يُشَارِكُهُ فِي الْجِنْسِ كَالنَّاطِقِ بِالنِّسْبَةِ إِلَى الْإِنْسَانِ وَهُوَ الْفَصْلُ وَيُرْسَمُ بِأَنَّهُ كُلِّيٌّ يُقَالُ عَلَى الشَّيْءِ فِي جَوَابِ أَيُّ شَيْءٍ هُوَ فِي ذَاتِهِ.

وَأَمَّا الْعَرَضِيُّ:

1. فَإِمَّا أَنْ يَمْتَنِعَ انْفِكَاكُهُ عَنِ الْمَاهِيَّةِ وَهُوَ الْعَرَضُ اللَّازِمُ

2. أَوْ لَا يَمْتَنِعَ وَهُوَ الْعَرَضُ الْمُفَارِقُ.

وَكُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا:

1. إِمَّا أَنْ يَخْتَصَّ بِحَقِيقَةٍ وَاحِدَةٍ وَهُوَ الْخَاصَّةُ كَالضَّاحِكِ بِالْقُوَّةِ وَبِالْفِعْلِ لِلْإِنْسَانِ وَتُرْسَمُ بِأَنَّهَا كُلِّيَّةٌ تُقَالُ عَلَى مَا تَحْتَ حَقِيقَةٍ وَاحِدَةٍ فَقَطْ قَوْلًا عَرَضِيًّا

2. وَإِمَّا أَنْ يَعُمَّ حَقَائِقَ فَوْقَ وَاحِدَةٍ وَهُوَ الْعَرَضُ الْعَامُّ كَالْمُتَنَفِّسِ بِالْقُوَّةِ وَبِالْفِعْلِ بِالنِّسْبَةِ لِلْإِنْسَانِ وَغَيْرِهِ مِنَ الْحَيَوَانَاتِ وَيُرْسَمُ بِأَنَّهُ كُلِّيٌّ يُقَالُ عَلَى مَا تَحْتَ حَقَائِقَ مُخْتَلِفَةٍ قَوْلًا عَرَضِيًّا.

# ﴿ الْقَولُ الشَّارِحُ ﴾


1. الْحَدُّ قَوْلٌ دَالٌّ عَلَى مَاهِيَّةِ الشَّيْءِ وَهُوَ الَّذِي يَتَرَكَّبُ مِنْ جِنْسِ الشَّيْءِ وَفَصْلِهِ الْقَرِيبَيْنِ كَالْحَيَوَانِ النَّاطِقِ بِالنِّسْبَةِ إِلَى الْإِنْسَانِ وَهُوَ الْحَدُّ التَّامُ

2. وَالْحَدُّ النَّاقِصُ هُوَ الَّذِي يَتَرَكَّبُ مِنْ جِنْسِ الشَّيْءِ الْبَعِيدِ وَفَصْلِهِ الْقَرِيبِ كَالْجِسْمِ النَّاطِقِ بِالنِّسْبَةِ إِلَى

الَإِنْسَانِ


3. وَالرَّسْمُ التَّامُّ هُوَ الَّذِي يَتَرَكَّبُ مِنْ جِنْسِ الشَّيْءِ الْقَرِيبِ وَخَاصَّةٍ مِنْ خَوَاصِّهِ اللَّازِمَةِ لَهُ كَالْحَيَوَانِ الضَّاحِكِ فِي تَعْرِيفِ الْإِنْسَانِ

4. وَالرَّسْمُ النَّاقِصُ هُوَ الَّذِي يَتَرَكَّبُ مِنْ عَرَضِيَّاتٍ تَخْتَصُّ جُمْلَتُهَا بِحَقِيقَةٍ وَاحِدَةٍ كَقَوْلِنَا فِي تَعْرِيفِ الْإِنْسَانِ إِنَّهُ مَاشٍ عَلَى قَدَمَيْهِ عَرِيضُ الْأَظْفَرِ بَادِي الْبَشَرَةِ مُسْتَقِيمُ الْقَامَةِ ضَحَّاكٌ بِالطَّبْعِ.



# TERJEMAHAN

# MATAN ISAGHUJI



## *BISMILLĀHIRRAḤMĀNIRRAḤĪM*

Kami memuji Allah atas bimbinganNya. Kami memohon [daripada]Nya petunjuk [ke] jalanNya. Kami berselawat ke atas [Nabi] Muhammad dan ke atas semua ahli keluarga Baginda.

*Ammā ba'd.* Maka inilah sebuah risalah dalam [ilmu] mantiq. Kami nyatakan di dalamnya apa yang sepatutnya dikemukakan bagi sesiapa yang [baru] bermula dalam sesuatu ilmu. [Kami] memohon pertolongan daripada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Pemberi kebaikan juga karunia.

# I S A G H U J I

Lafaz[1] yang menunjukkan [makna] secara tetapan[2];

1. menunjukkan keseluruhan apa yang ditetapkan kepadanya secara mutabaqah[3],
2. [menunjukkan] juzuk[4] [makna]nya secara tadammun[5] [iaitu] jika ia mempunyai juzuk,
3. [menunjukkan] apa yang melaziminya di zihin[6]

---

[1] *Al-Lafẓ*

[2] *Tetapan* merupakan terjemahan bagi *al-Waḍ‘*.

[3] *Al-Muṭābaqah*

[4] *Al-Juz’*

[5] *Al-Taḍammun*

[6] *Al-Dhihn*

secara iltizam[7].

Seperti [lafaz] *insan,* ia menunjukkan [makna] *hayawan pemikir* secara mutabaqah, dan [menunjukkan makna] salah satu daripada kedua-duanya secara tadammun, dan [menunjukkan makna] *penerima ilmu* dan *tukang tulis* secara iltizam.

Kemudian, lafaz adalah sama ada;

1. mufrad[8], iaitu [lafaz] yang tidak dikehendaki dengan sebahagiannya sebagai penunjukan kepada sebahagian daripada maknanya, seperti *insan,* ataupun
2. muallaf[9], iaitu [lafaz] yang tidak sebegitu, seperti *pelontar batu.*

Mufrad adalah sama ada;

1. kulli[10] iaitu [lafaz] yang gambaran mafhumnya tidak menghalang berlakunya perkongsian padanya, seperti *insan*, ataupun
2. juz'i[11] iaitu [lafaz] yang gambaran mafhumnya menghalang [perkara] tersebut, seperti *Zaid*.

Kulli adalah sama ada;

---

[7] *Al-Iltizām*

[8] *Al-Mufrad*

[9] *Al-Mu'allaf*

[10] *Al-Kulliyy*

[11] *Al-Juz'iyy*

1. zati[12] iaitu [lafaz] yang memasuki haqiqat juz'iatnya[13], seperti *hayawan* yang dinisbahkan kepada *insan* dan *kuda*, ataupun
2. aradi[14] iaitu [lafaz] yang berkhilaf [dengan]nya, seperti *penggelak* yang dinisbahkan kepada *insan*.

Zati adalah sama ada;

1. ungkapan[15] dalam menjawab [persoalan] *apakah ia* berdasarkan perkongsian semata-mata, seperti *hayawan* yang dinisbahkan kepada *insan* dan *kuda,* iaitulah jinis[16], yang ditakrifkan sebagai *kulli yang diungkapkan untuk banyak [perkara] yang berbeza haqiqatnya, dalam menjawab [persoalan] apakah ia.*
2. ataupun ungkapan dalam menjawab [persoalan] *apakah ia* berdasarkan perkongsian berserta pengkhususan seperti *insan* yang dinisbahkan kepada *Zaid* dan *Amru,* iaitulah nauk[17], yang ditakrifkan sebagai *kulli yang diungkapkan untuk banyak perkara yang berbeza bilangannya bukan haqiqatnya, dalam menjawab [persoalan] apakah ia.*

---

[12] *Al-Dhātiyy*
[13] *Al-Juz'iyyāt*
[14] *Al-'Araḍiyy*
[15] *Ungkapan* ialah terjemahan bagi lafaz *al-maqūl*, lafaz *al-qawl* pula diterjemah sebagai *ucapan.*
[16] *Al-Jins*
[17] *Al-Naw'*

3. ataupun bukan ungkapan dalam menjawab [persoalan] *apakah ia*, tetapi menjawab [persoalan] *mana satukah ia* pada zatnya, ia juga membezakan sesuatu daripada perkara yang berkongsi dengannya dalam jinis, seperti *pemikir* yang dinisbahkan kepada *insan*, iaitulah fasal[18], yang ditakrifkan sebagai *kulli yang diungkapkan untuk sesuatu, dalam menjawab [persoalan] mana satukah ia pada zatnya.*

Adapun aradi, maka ia adalah sama ada;

1. terhalang pemisahannya daripada mahiah[19], iaitulah arad lazim[20], ataupun
2. tidak terhalang [pemisahannya], iaitulah arad mufariq[21].

Setiap satu daripada kedua-dua itu, adalah sama ada;

1. khusus untuk satu haqiqat iaitulah khassah[22], seperti *penggelak secara perbakatan*[23] dan *[penggelak] secara perbuatan*[24] [yang dinisbahkan] kepada

---

[18] *Al-Faṣl*
[19] *Al-Māhiyyah*
[20] *Al-ʻAraḍ al-Lāzim*
[21] *Al-ʻAraḍ al-Mufāriq*
[22] *Al-Khāṣṣah*
[23] *Penggelak secara perbakatan* merupakan terjemahan bagi *al-Ḍāḥik bi al-Quwwah*
[24] *Penggelak secara perbuatan* merupakan terjemahan bagi *al-Ḍāḥik bi al-Fiʻl*

*insan,* ia ditakrifkan sebagai *kulli yang diungkapkan untuk perkara yang [berada] di bawah satu haqiqat sahaja, [dengan] ucapan yang aradi.*

2. ataupun umum untuk beberapa haqiqat di atas satu [haqiqat] iaitulah arad am[25], seperti *penafas secara perbakatan*[26] dan *[penafas] secara perbuatan*[27] yang dinisbahkan kepada *insan* dan selainnya dalam kalangan hayawan, ia ditakrifkan sebagai *kulli yang diungkapkan untuk perkara yang [berada] di bawah beberapa haqiqat yang berbeza, [dengan] ucapan yang aradi.*

---

[25] *Al-'Araḍ al-'Ām*

[26] *Al-Mutanaffis bi al-Quwwah*

[27] *Al-Mutanaffis bi al-Fi'l*

# QAUL SHARIH

1. Had[28] ialah ucapan yang menunjukkan mahiah sesuatu. Ia terbina daripada jinis qarib[29] sesuatu dan fasal qaribnya[30], seperti *hayawan pemikir* yang dinisbahkan kepada *insan,* iaitulah had tam[31].
2. Had naqis[32] ialah [ucapan] yang terbina daripada jinis ba'id[33] sesuatu dan fasal qaribnya, seperti *jisim pemikir* yang dinisbahkan kepada *insan.*

---

[28] *Al-Ḥadd*
[29] *Al-Jins al-Qarīb*
[30] *Al-Faṣl al-Qarīb.*
[31] *Al-Ḥadd al-Tāmm*
[32] *Al-Ḥadd al-Nāqiṣ*
[33] *Al-Jins al-Ba'īd*

# A L H A M D U L I L L A H

Alhamdulillah, dengan iradah dan qudrahNya, selesailah sudah terjemahan teks *Īsāghūjī* ini. Tidak dinafikan bahawa pasti terdapat salah dan silap dalam terjemahan ini. Jika ketemu, silalah sudi janganlah malu, untuk khabarkan ia kepada penterjemah.


Inilah sedikit usaha untuk memakmurkan minda, jiwa dan raga bangsa. Moga ia menjadi langkah pertama perangsang aqal juga zihin, agar berfikir benar serta bertingkah baik, sesuailah dengan peranan mantiq, yang memelihara pera‘inya daripada tersalah dalam berfikir.

Moga ia menjadi salah satu saksi di sana nanti, sebagai bekalan pembela diri, tatkala emas dan intan tiada gunanya lagi, hanya tinggal amal dan juga diri, buat bertemu Zat yang Maha Tinggi, inshaAllah.

NASEER SOBREE
*17 Februari 2015*
*27 Rabī‘ al-Akhīr 1436*
*Kepala Batas, Pulau Pinang.*

# RUJUKAN


1. *A Guide to Philosophy,* Syed Ali Tawfik al-Attas. Pelanduk Publications, Selangor, 2009.
2. *Al-Muqarrar fī Sharḥi Manṭiq al-Muẓaffar,* al-Sayyid Rā'id al-Ḥaydariyy. Dhawī al-Qurbā, Qum, 1385AP.
3. *Ḍawābiṭ al-Ma'rifah,* 'Abd al-Rahman Ḥabannakah al-Maydāniyy. Dār al-Qalam, Dimashq, 2014.
4. *Ḥāshiyah al-Ḥifniyy 'alā Īsāghūjī,* Yūsuf ibn Sālim al-Ḥifniyy. Dār Kutub al-Islāmiyyah, Jakarta, 2013.
5. *Majmū' al-Mutūn al-Kabīr.* Maṭba'ah al-Istiqāmah, Kaherah, 1958.
6. *Mughnī al-Ṭullāb,* Maḥmūd Ḥasan al-Maghnīsiyy. Al-Maṭba'ah al-Adabiyyah, Beirut, 1877.
7. *Mughnī al-Ṭullāb,* Maḥmūd Ḥasan al-Maghnīsiyy. Dār al-Bayrūtiyy, Dimashq, 2009.
8. *Mughnī al-Ṭullāb,* Maḥmūd Ḥasan al-Maghnīsiyy. Dār al-Fikr, Dimashq, 2003.
9. *Prolegomena to The Metaphysics of Islam,* Syed Muhammad Naquib al-Attas. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), Kuala Lumpur, 2001.
10. *The Mashshā'ī Philosophical System,* Syed Ali Tawfik al-Attas. Pelanduk Publications, Selangor, 2010.


Baytul Hikma




**TERJEMAHAN MATAN ISAGHUJI**

*Ammā ba'd.*

*Maka inilah sebuah risalah dalam ilmu mantiq. Kami nyatakan di dalamnya apa yang sepatutnya dikemukakan bagi sesiapa yang baru bermula dalam sesuatu ilmu. Kami memohon pertolongan daripada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Pemberi kebaikan juga karunia.*

